

# Congkak

Congkak

Perkataan Congkak dipercayai bermula dari perkataan 'congak' yang mana dalam Bahasa melayu lama bermaksud pengiraan menggunakan minda (mental calculation). Congkak mempunyai 14 lubang dan dibahagi kepada dua bahagian menjadi tujuh setiap bahagian dan ditambah satu lubang yang besar dikenali sebagai kampung untuk dua orang pemain. Setiap pemain akan mengawal dan mencongak ketujuh-tujuh lubang mereka untuk mendapat markah terbanyak dan pemenang dikira apabila bilangan guli atau buah yang terbanyak dalam lubang kampong mereka di akhir permainan nanti.

*Congkak si a traditional game in the state of Kelantan. According to be past, the word Congkak begins with the word 'congak' in old Malay which means mental calculation. This game needs two players. It consists of a board which has 17 normal holes and 2 huge holes. To make the game more interesting, some people call the normal holes as houses and the huge holes as storehouses. All of the 14 holes will be divided to 2 players (7 normal holes and one huge hole each person). The objective of the game is to gather marbles as many as possible in all of the 14 holes into the huge hole on the player's side. The winner will be decided depends on the total of the marbles in the huge hole at the end of the game. The game will be ended until there is no single marble in normal holes.*



# Gasing Pangkah

Striking Top

Gasing Pangkah pula diperbuat dari kayu keranji. Untuk memusingkan gasing, tali setebal 1.75 cm dan sepanjang 3 hingga 5 meter dililitkan pada jambulnya hingga meliputi seluruh permukaan gasing. Kemudian gasing itu dilemparkan ke atas tanah dan serentak dengan itu tali yang melilit jambuhnya direnggut. Pangkahan yang dibuat oleh pemain ini bertujuan untuk menghalakan gasing lawan keluar dari gelanggang. Teknik pangkah ini kurang sesuai jika menggunakan gasing yang agak berat, tetapi lebih sesuai menggunakan gasing yang berbentuk tinggi.

*A Striking Top is made from a Keranji Wood (Medium Hard Wood). To spin this Striking Top, the rope about 1.75 cm wide and 3 or 5 meters long is needed to wrap them tightly together with the top. The Striking Top then will be thrown up to the ground as the rope gets stretches. The strike will create the rotation force to strike the opponent out of the ring. The Striking Top only suit to play with lighter than the heavier top as the technique requires player to strike and chase the opponent away from the ring.*



The Cultural Centre or Gelanggang Seni is located at Jalan Mahmood, just next to The Kelantan Public Library, in the middle Of Kota Bharu town. Built in 1978 on a acre site in the town centre, it is dedicated for the preservation and promotion of Kelantanese culture. The centre is equipped with a large hall which could accommodate up to 500 people, with a performance stage. Among the performance includes giant drums, top spinning, congkak, Art of self defense, Coconut Husk Percussion, striking top, kite-making and traditional show



# Gelanggang Seni

Kelantan Cultural Centre



# Silat

Art of Self Defence



Silat adalah seni mempertahankan diri bagi masyarakat melayu. Warisan paling berharga yang mana persembahannya diwarnai dengan kepelbagaiannya seni tari dan bunga tarinya. Perkataan silat itu sendiri menunjukkan kesinambungan seni mempertahankan diri dengan ketangkasian dan kelembutan dalam pergerakan silat yang biasanya dipersembahkan dalam majlis keramai dan diiringi oleh paluan gendang tradisional dan keunikan alunan tiupan serunai.

*Art of self-defense has many amplifications. It has been expended out of all recognition. Incorporating cultural and aesthetic values, this art of self-defense or martial art performed at ceremonial function. Instruments used malay drum, oboe, a contrast in the musical arrangement for the martial art*

## Rebana Ubi

Giant Drum




Rebana Ubi merupakan salah satu permainan tradisi masyarakat melayu Kelantan yang telah mula dimainkan kira-kira 3 abad dahulu. Pada masa silam, Rebana Ubi merupakan permainan masa lapang yang biasa dimainkan setiap kali tamatnya musim menuai. Cara permainannya ialah setiap rebana ubi akan dipukul oleh dua orang dan boleh dimainkan secara paluan atau dipukul dengan tangan sahaja. Cara pertandingan pula ialah di dalam pertandingan satu pasukan akan memukul enam rebana dengan jumlah anggota seramai 12 orang, iaitu dua orang bagi setiap satu rebana. Pelbagai rentak akan diperdengarkan. Sebuah lagu akan dimainkan secara rasmi selama dua minit dan setiap satu-satu pasukan akan bergilir-gilir bermain. Pemberian markah dalam pertandingan adalah bergantung kepada ketahanan rentak, irama dan ragam yang berlainan serta keseragaman paluan itu sendiri.

*Giant Drum is one of the Kelantan Malay traditional musical instruments that have started to be played about 3 centuries ago. In the past Giant Drum is a leisure pastime games which is played every time at the end of harvest season. There must be at least two players in order to play the Giant Drum. It can be played even by beat with bare hand. In a competition, one group consisting of 12 members will beat six drum, two members for each drum – every song will be played officially for two minutes only. The given marks will be depending on the timing, rhythms and style of the performances*

## Gasing Uri

Top Spinning



Gasing Uri dibuat daripada logam timah dan kayu keras. Pakisnya dibuat daripada besi. Manakala kepalanya dibuat dari tanduk kerbau supaya gasing itu lebih cantik. Gasing Uri mempunyai bentuk yang rendah dan agar leper dengan berat sekitar 4 hingga 6 kg. Gasing Uri mempunyai lilitan sekitar 60 cm dengan ketinggian 8 cm. Cara permainan ini ialah dengan melilit garis ini dengan kuat menggunakan tali. Pemain akan melemparkan garis itu di tempat khas yang berupa bong (tempat gasing mendarat diperbuat daripada tanah liat yang dimampatkan, berbentuk segi 4 dengan saiz lebih kurang 2 kaki persegi).

Selepas itu, permain yang lain akan mengangkatnya dan meletakkan gasing tersebut di atas lopak (tempat gasing berputar) dan sedikit pelincir diberikan bagi membuat putaran gasing lebih laju. Di dalam pertandingan, gasing yang berpusing lebih lama akan dianggap sebagai pemenang.

*Top Spinning is made by tin and hard wood (Merbau, Sedarah). Axis is made by iron. While the head is made from buffalo horn so the Top Spinning will be more beautiful. Spinning Top has a low and relatively flat with a weight ranging from 4 to 6 kg. Spinning Top has a circumference about 60 cm with the height 8 cm. Wrapping the top with a strong rope is the way on how to play the game. The players will throw the top on a bong (a place to land Top Spinning made of compacted clay, square in shape with a size of about 2 square feet). After that, the other players will be lifting and placed on top of the puddle and given a little lubricant to make the top spin faster. In the competition, the longest Spinning Top will be considered as a winner.*

# Wayang Kulit

Shadow Play

Wayang Kulit merupakan sejenis permainan tradisi rakyat Kelantan yang diwarisi sejak turun-temurun. Pertunjukan Wayang Kulit biasanya diadakan di bangsal atau panggung lengkap dengan kumpulan muzik serta patung-patung wayang kulit yang terdiri daripada pelbagai watak. Tok Dalang merupakan orang yang melakonkan atau menggerakkan patung-patung wayang kulit mengikut kisah cerita yang hendak dipertunjukkan. Wayang Kulit dimainkan pada waktu malam di majlis-majlis keramaian atau pesta. Kisah cerita yang diriwayatkan dalam permainan wayang kulit asalnya adalah dari epik Hindu tetapi kini telah diubahsuai dengan kebudayaan melayu tempatan.

*The Shadow Play is a traditional Malay theatre in Kelantan inherited generation after generation. Shadow play usually are performed on the built up stage completed with musical groups and the character in the Shadow Play. Tok Dalang is the person who manipulate puppet according to the stories. Story narrated were of Indian classical origin. Now, the group are modified some stories*



## Kertok

Coconut Husk Percussion

Kertok adalah salah satu hiburan tradisional masyarakat melayu Kelantan. Asal-usul permainan Kertok bermula apabila ia digunakan oleh penanam padi bagi tujuan menghalau burung pada musim padi masak. Pada masa kini alat ini mempunyai fungsi yang utuh dan boleh dikatakan terkenal dalam masyarakat tradisi Kelantan yang rata-ratanya ialah masyarakat petani. Kertok dibuat dengan menggunakan kayu Merbau atau Nibong yang dilubangkan di tengah-tengahnya dan diisi pula dengan termpurung kelapa tua yang telah diproses. Buah kelapa tersebut dibelah dua dan diletakkan sekeping papan yang dibuat daripada kayu Nibong iaitu sejenis kayu keras yang tahan dipalu. Papan ini dikenali sebagai "belira" atau daun dan diikat dengan getah pada tiang yang terletak di bahagian atas kertok. Kadang-kala kertok ini dihiasi dengan panji-panji yang berbagai corak dan warna serta lukisan yang menarik. Kertok dimainkan di majlis-majlis keramaian atau majlis rasmi menyambut Pembesar Negeri. Ia boleh dimainkan oleh dua orang atau berkumpulan. Sesebuah kumpulan mengandungi 12 hingga 24 peserta. Paluan kertok juga mempunyai lagu-lagu tertentu seperti Ropok, Anjol, Kuncah Manis, Gadoh, Kudarambak, Kedogong dan lain-lain.




*Coconut Husk Percussion or Kertok is one of the traditional musical instruments in Kelantan. The origin of Coconut Husk Percussion started when it is used by the farmers to scare away birds during rice harvest season. Nowadays, this tool has a function and practically famous among farming community. Coconut Husk Percussion is made from Merbau Wood or Nibong that has been drilled in the middle and filled with old processed coconut shell. Coconut is cut into half and place on the top of Coconut Husk Percussion. This board is known as 'Belira' or leaf and tied with a rubber pole located at the top of Coconut Husk Percussion. Sometimes coconut husk are decorated with banner of the various patterns, colours also fascinating designs. Coconut Husk Percussion played at the certain ceremony. It can be played by two people or groups ranging 12 – 14 players. Beats and sounds like Ropok, Anjol, Kuncah Manis, Gadoh, Kudarambat, Kedogong and many other authentic rhythms*

## Wau

Kite

Hakikatnya penduduk negeri Kelantan menjadikan permainan Wau sebagai salah satu permainan tradisional semasa lapang. Layang-layang atau Wau ini akan melayang-layang di udara setelah ia dinainkan. Permainan ini biasanya dilangsungkan selepas musim menuai, iaitu setelah petani-petani mempunyai masa yang terluang untuk mencipta dan menghias wau mereka. Biasanya satu-satu wau mempunyai ukuran panjang 4 kaki dari hujung kepala ke hujung ekor dan mempunyai sayap 6 kaki lebar. Bingainya diperbuat dari buluh yang diraut rapi disebabkan ketahanan dan keringannya untuk dilayangkan ke udara. Sayapnya terdiri dari 3 lapis kertas nipis. Lapisan pertama adalah kertas nipis warna putih, lapisan kedua merupakan kertas hiasan atau berawan larat dan lapisan terakhir akan mempunyai lambang lambang atau ciptaan awan larat yang direka oleh pembuat Wau. Terdapat banyak jenis wau seperti "Wau Kucing", "Wau Merak", "Wau Bulan", dan lain-lain lagi. Untuk mencipta wau, kemahiran yang tinggi serta kesabaran yang sepenuhnya diperlukan.

*A Kite traditionally flown by a men in the Malaysian state of Kelantan. Moon Kite is unique to the state of Kelantan and the giant flying Kites are often as big as a man, measuring about 1.3 metre from head to tail. It is the largest Kite around and is capable of soaring to great heights. Most of the patterns are based on local flora motif. The Kite made from bamboo and 3 layers of papers with different decorations. It is usually fitted with a stringed bow, will produce a humming noise due to the wind vibration. Each Kite is lavishly pasted with colourful designs and a work of art. Kites are flown throughout the year but especially after the rice harvest season. There are many types of Wau (Kite) in Malaysia, each with its own speciality; Wau Puyuh (Quail Bird) Wau Kucing (Cat Kite) and Wau Merak (Peacock Kite) are some of them. The Kite marking required them to be very skillful and lots of patient needed*



# Dikir Barat

Dikir Barat



Perkataan Dikir ialah hasil dari dua kombinasi seni iaitu Dikir dan pantun atau dikir dan karut. Pengertian "karut" itu sendiri ialah dari istilah mendarat dalam bentuk pantun atau syair. Jadi Dikir Barat, Dikir Karut, Dikir Pantun dan Dikir Syair adalah sama erti. Biasanya Dikir Barat terdiri dari sepuluh hingga dua puluh orang ahli. Ianya dipersembahkan secara solo dan berkumpulan yang menyanyi, bertepuk tangan, juga badan dan pergerakan tangan secara serentak, diiringi dengan alatan muzik tradisional. Antara alat muzik yang digunakan ialah gong, canang, marakas, gendang ibu dan gendang anak. Watak utama dalam persembahan adalah tok Jogho dan Tukang Karut sebagai penyanyi utama.

The word 'dikir' is the result of two combination of art is the dikir and poem. So 'Dikir Barat' 'Dikir Karut' , 'Dikir pantun' and 'Dikir syair' is the same meaning. Usually 'dikir Barat' consists of 10 to 25 members. It is performed in solo and group singing, hand-clapping, hand and body involvement at some of the styles, accompanied by traditional live music. Among the instruments used are 'gong' , 'marakas' and malay drum. The main character in the show is 'Tok Jogho' and 'Tukang Karut' are leading figures in dikir barat performances

## Gasing Terbang

Flying Top Spinning



Gasing Terbang merupakan satu permainan gasing yang unik. Pemain gasing ini menggunakan Gasing Uri sebagai alat untuk dipersembahkan. Perkara yang membezakan Gasing Uri dan Gasing Terbang ialah cara permainannya. Untuk pemainan gasing ini, gasing yang dililit dengan tali akan dilempar ke atas bong (tempat gasing mendarat diperbuat daripada tanah liat yang dimampatkan, berbentuk segi empat dengan saiz lebih kurang 2 kaki persegi) dan dengan cepat seorang tukang cokak menceduk gasing dengan menggunakan penceduk daripada kayu dan terus diletakkan di atas lopak (tempat gasing berputar) dan sedikit pelincir diberi. Keunikan gasing terbang ini ialah bagaimana gasing yang dilemparkan dapat disambut oleh seorang pemain yang lain

The Flying Top Spinning is one of unique pastime games in Kelantan. Normally, players will use selected Spinning Top for a presentation. The different between Top Spinning and the Flying Top in term of the way, it is presented. For instance, this Flying Top in term of the way, it is presented. For instance, this Flying Top tied with rope will be thrown over a "bong" (made of compacted clay with rectangular shape with a size of about two square feet) and quickly the other player will scoop the top with wood and continue to put on a little puddle and lubricant applied. The uniqueness of this game via how the Spinning Top thrown and landed on puddle by another player

## Traditional Games & Pastime Activities at Cultural Centre

### TRADITIONAL GAMES AND PASTIME PROGRAMMES AT CULTURAL CENTRE

#### Saturday

3.30 pm - 5.30 pm

Rebana (Giant Drum)  
Silat Tari (Art of Self Defense)  
Gasing Uri (Top Spinning)

#### Monday

3.30 pm - 5.30 pm

Rebana (Giant Drum)  
Silat Tari (Art of Self Defense)  
Demo pembuatan Wau (Kite Making Demonstration)  
Congkak

#### Wednesday

3.30 pm - 5.30 pm

Kertok (Coconut Husk Percussion)  
Gasing Pangkah (Striking Top)  
Pencak Silat (Art of Self Defence)  
  
9.00 pm - 11.00 pm  
Wayang Kulit (Shadow Play)

For Further Information:

KELANTAN TOURISM INFORMATION CENTRE  
Jalan Sultan Ibrahim, 15150 Kota Bharu, Kelantan  
Tel: 09-748 5534/09-748 6652  
Web: [www.kelantan.gov.my](http://www.kelantan.gov.my)  
Email: [tic@kelantan.gov.my](mailto:tic@kelantan.gov.my)